

# Forex guna Internet haram - Majlis Fatwa

KOTA BHARU 15 Feb. - Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan hari ini memutuskan perdagangan mata wang asing (forex) melalui Internet atau menggunakan broker sebagai haram kerana tidak memenuhi kehendak syarak.

Pengerusi Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin berkata, keputusan itu dibuat selepas pihaknya mengadakan kajian mengenai perkara tersebut.

Beliau bagaimana berkata, pihaknya mendapati perdagangan melalui bank dan pengurup wang yang sah dibenarkan kerana semua transaksinya jelas dan tidak ada spekulasi.

"Selepas kajian dijalankan kami mendapati forex melalui Internet dan broker tidak memenuhi kehendak syarak sebab itu banyak isu yang meragukan.

"Kami mendapati forex jenis ini tidak memenuhi syarat soal jual-beli dalam Islam, tidak ada kontrak dan mendatangkan spekulasi yang besar. Justeru, kami meminta orang Islam supaya tidak terlibat dalam forex Internet dan broker, setakat ini ia haram," katanya ketika ditemui selepas Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-98 di sebuah hotel di sini hari ini.

Mengenai Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional (BSN), Abdul Shukor berkata, selepas mendapat taklimat daripada bank terbabit, majlis itu memutuskanannya sebagai harus.

"Sebelum ini ada fatwa sudah keluar ia adalah harus, tetapi ramai di kalangan rakan-rakan Islam masih tidak berpuas hati. Kami sudah kaji dan berbincang serta minta BSN buat penambahbaikan, jadi mereka tukar sistem yang ada kepada Mudharabah ikut syariah dan mereka patuh Panel Syariah Negara.

"Kami berpuas hati bahawa sijil ini harus kita melabur dan memberi pulangan kepada kita," katanya.

Dalam perkembangan berlainan beliau berkata, muzakarah kali ini turut membincangkan mengenai garis panduan akad nikah di masjid.